


16 - 30 NOVEMBER, 2023

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Terminal Bas Komtar

## Exco rangka tindakan khas

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PADA** 15 September 2023, Exco Pembangunan Sosial Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, **LIM SIEW KHIM** bersama-sama beberapa kakitangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang menjalankan pemantauan mendekati gelandangan selama tiga hari di Terminal Bas Komtar dan kawasan sekitar.

Ketika itu, beliau meminta pihak JKM untuk segera mengambil tindakan dengan menempatkan gelandangan di Pusat Transit Gelandangan bagi mendapatkan perlindungan sewajarnya di samping memberi rawatan kesihatan melalui jalinan kerjasama dengan pihak Hospital Pulau Pinang.

Kemudian pada 24 September lalu, Siew Khim sekali lagi bersama-sama Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran; Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Sr. Cheong Chee Hong dan beberapa penguat kuasa 'turun padang' menggempur Terminal Bas Komtar.

Kali ini, pihak berkuasa tempatan itu bertindak membersihkan barang-barang yang ditinggalkan oleh gelandangan di kawasan terminal menjadikan keadaan dan suasana terminal bas kini lebih kemas.

Pada masa yang sama, beliau juga menasihati individu yang dilihat sedang mengagihkan sumbangan makanan dan minuman kepada gelandangan supaya tidak lagi mengagihkannya di terminal tersebut, sebaliknya meminta mana-mana pertubuhan amal atau individu menghubungi Pusat Transit Gelandangan di Jalan C.Y. Choy sebagai alternatif agihan.

Malah, penguat kuasa juga dilantik untuk ditempatkan di Terminal Bas Komtar selama 24 jam sehari sejak 21 September 2023 bagi memastikan pengagihan makanan kepada gelandangan tidak dijalankan di kawasan tersebut.

"Secara jujur saya amat bangga melihat betapa baiknya hati rakyat Pulau Pinang yang sentiasa bersedia membantu golongan yang memerlukan.

"Namun, dengan memberi makanan kepada gelandangan di sekitar Terminal Bas Komtar mahupun di tepi-tepi jalan di kawasan sekitar bukanlah pendekatan paling efisien atau membantu golongan tersebut dalam jangka masa panjang.

"Sebaliknya, tindakan memberi makanan di kawasan-kawasan tumpuan seperti di terminal bas di sini akan menjejaskan kebersihan dan menggalakkan lebih ramai gelandangan berhimpun yang akhirnya menyumbang kepada pembaziran makanan melampau.

"(Dan) sebagai alternatif, saya memohon mana-mana pertubuhan amal atau individu yang ingin menyalurkan sumbangan makanan atau minuman untuk terus ke Pusat Transit Gelandangan.

"Di pusat tersebut, sumbangan akan dikelola dengan lebih sistematik dan pihak pengurusan akan memastikan tiada pembaziran berlaku sekali gus memastikan keperluan semua pihak terjaga," ujarnya ketika dihubungi.

Tambah Siew Khim, hasil kerjasama strategik antara pihak MBPP dan JKM, kawasan di Terminal Bas Komtar kini bertambah bersih dan ceria.

"Selain itu, MBPP juga telah menukar tempat duduk di terminal bas tersebut supaya para penumpang dapat menunggu bas dalam suasana yang lebih selesa.



LIM Siew Khim (kiri sekali) ketika turun padang mendekati isu gelandangan di Terminal Bas Komtar.



PASUKAN MBPP yang bertanggungjawab 'menceriakan' kembali Terminal Bas Komtar.

"MBPP turut memulakan operasi menangkap burung merpati dari terus membina sarang di celah-celah binaan di terminal bas, kerana ia menimbulkan kacau ganggu termasuk masalah najis burung kepada orang ramai yang menggunakan kemudahan di situ.

"Malah, operasi tersebut juga merupakan sebahagian usaha mengurangkan populasi unggas terbabit di kawasan tersebut.

*(Sambungan di muka 2).*

(Sambungan dari muka 1).

# Perluaskan operasi kesan '*hotspot*' gelandangan

"Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan bertungkus lumus menjayakan usaha ini, kita akan teruskan momentum ini," katanya yang akan memperluaskan operasi mengesan *'hotspot'* gelandangan di sekitar bandar raya ini.

Tindakan jangka panjang, Siew Khim berhasrat untuk merangka pertemuan dan perbincangan dengan semua pihak berkepentingan bagi melihat peranan yang boleh dilaksanakan oleh setiap agensi dalam memudahkan proses penguatkuasaan dan pengurusan gelandangan di negeri ini.

Sementara itu, Pengurus Pusat Transit Gelandangan, **NAZATULWANIS MOHD. KHORISH** ketika dihubungi memberitahu bahawa sejak dibuka pusat terbabit juga bertindak sebagai pusat pengedaran makanan dan minuman.



**NAZATULWANIS Mohd. Khorish.**

"Di sini (Pusat Transit Gelandangan) boleh menampung seramai 80 penghuni pada satu-satu masa dan kami amat berbesar hati apabila ramai yang memberi sokongan serta menghulurkan bantuan atau sumbangan untuk diagihkan kepada gelandangan.

"Bagi mereka yang berminat untuk menyumbang baik dari segi makanan mahupun pakaian atau apa-apa sahaja keperluan lain boleh menghubungi JKM Pulau Pinang di talian 04 - 650 5259 / 5257 atau e-melkan ke *pusattransitgelandanganpp@gmail.com*.

"Kami juga mempunyai laman *Facebook* iaitu Pusat Transit Gelandangan Pulau Pinang dan *Instagram* (ptg. penang) untuk memuat naik aktiviti semasa di sini," ulasnya.

Buletin Mutiara difahamkan bahawa terdapat 48 gelandangan telah didaftarkan ke Pusat Transit Gelandangan sejak dibuka.

Terdahulu, Buletin Mutiara cuba mendapatkan maklum balas umum mengenai inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengembalikan semula keceriaan di Terminal Bas Komtar sekali gus membendung isu berkaitan gelandangan.

Bagi **NUR EZRINA ZAINUDDIN**, 29, usaha Kerajaan Negeri itu perlu dilaksanakan secara berterusan dan menyeluruh.

"Pihak berwajib perlu juga melihat dari perspektif gelandangan itu sendiri untuk menjayakan usaha yang dilaksanakan.

"Semestinya, ia usaha yang baik memandangkan kawasan tersebut sebelum ini terpalit dengan imej kurang menyenangkan apabila orang luar dari Pulau Pinang terutamanya pelancong asing tengok keadaan di situ.

"Tambahan pula, ada dalam kalangan gelandangan tidak endah akan soal kesihatan, kebersihan dan ada juga kurang siuman sehingga menakutkan orang ramai serta menimbulkan rasa kurang senang," katanya yang kerap kali singgah membeli sarapan pagi di gerai berdekatan terminal bas tersebut.

Pegawai Khas kepada Exco, **MUHAMMAD SHAHRIZUL MUIZ**, 30, berpandangan bahawa isu gelandangan di kawasan Terminal Bas Komtar benar-benar memerlukan perhatian.

"Komtar merupakan lambang pentadbiran Kerajaan Negeri dan kebanyakan agensi berkaitan kerajaan berada di sini.

"Inisiatif yang dilaksanakan oleh YB Exco amat baik dan diharap dapat menimbulkan kesedaran awam terutamanya kepada pihak yang ingin memberi sumbangan makanan dan minuman.

"Saya percaya dengan tindakan menghalang pengagihan makanan di sini (Terminal Bas Komtar) maka tidak ada makanan dibazirkan atau dibuang tanpa tujuan.

"Pihak pengurusan di Pusat Transit Gelandangan akan memastikan makanan diagihkan dengan baik dan selamat serta memberi peluang kepada gelandangan untuk memperbaiki kehidupan sosial mereka," katanya.



**M. Vekenesvaran.**

Bagi pelatih industri di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, **M. VEKENESVARAN**, 23, inisiatif yang dilakukan oleh Siew Khim adalah yang terbaik dan jelas.

"Inisiatif ini merupakan salah satu cara menjaga kebersihan sekitar kawasan Komtar dan dengan cara ini, kita akan dapat melihat 'wajah baharu' yang bukan sahaja bersih, malah bebas dari sampah dan sisa.

"Saya berharap pihak berkuasa tempatan dapat meneruskan pemantauan dan memastikan tindakan diambil kepada pemberi sumbangan makanan dan minuman yang ingkar.



**SUASANA selesa dan bersih di Pusat Transit Gelandangan.**

"Hal ini kerana, punca utama gelandangan berkumpul adalah individu yang memberi sumbangan di tempat awam bukannya di tempat yang telah dikhususkan oleh Kerajaan Negeri," katanya.

Melalui komentar di laman *Facebook*, sebagai dipetik, **NORJAN IBRAHIM** memuji tindakan yang dilakukan oleh Siew Khim dan pihak lain yang terlibat.

"Saya ada maklum isu ini kepada pihak berwajib sebelum ini namun tidak ada tindakan diambil.

"Banyak kotak-kotak dan keperluan mereka (gelandangan) diletakkan di situ, ada yang kencing, muntah malah kucing pun dibela di situ.

"Terbaik YB (Siew Khim), prihatin kepada rakyat, dengan cara ini dapat membantu mereka (gelandangan) dan semoga tidak ada lagi gelandangan yang tidur di bawah Komtar selepas ini," responsnya.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Angkat sumpah, komited tunai Manifesto Perpaduan


RAKAMAN gambar bersama-sama Ketua Menteri sejurus selesai Majlis Mengangkat Sumpah Pengakuan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MBPP di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN -** Seramai 23 Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengangkat sumpah penerimaan jawatan berkaitan di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow untuk tempoh 1 Oktober sehingga 31 Disember 2024.

Daripada jumlah tersebut,11 muka lama dikekalkan manakala 12 Ahli Majlis adalah lantikan baharu.

Kon Yeow ketika berucap meminta MBPP memberikan komitmen penuh kepada Kerajaan Negeri dalam menjayakan manifesto-manifesto Pilihan Raya Negeri (PRN) lalu dan Visi Penang2030.

"Terima kasih diucapkan kepada MBPP atas komitmen yang telah diberikan dalam pelaksanaan intipati Visi Penang2030 ke arah sebuah negeri pintar, hijau dan seterusnya menjadi inspirasi kepada negara.

"Di samping itu, saya juga mengharapkan MBPP untuk memberi komitmen dan membantu Kerajaan Negeri menunaikan 50 perkara dalam Manifesto 2023, apabila kita buat janji PRN, kita memang bercadang untuk memenuhi semua janji-janji kita sebagaimana manifesto penggal yang lepas, kita berjaya capai 94 peratus daripada apa yang kita janjikan.

"Jadi, bagi penggal ini, 50 perkara sudah dijanjikan bertunjangkan 16 tema utama, pada mesyuarat peringkat Exco pun kita sudah agihkan mengikut portfolio, maka setiap ahli Exco adalah bertanggungjawab terhadap 50 janji ini yang semestinya melibatkan agensi-agensi terlibat.

"Justeru, apa yang dicapai oleh MBPP pastinya boleh menjadi KPI (petunjuk prestasi utama) bagi Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, H'ng Mooi Lye," ujarnya pada Upacara Pengakuan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis-Ahli Majlis MBPP dekat Dewan Bandaraya di sini 2 Oktober lalu.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran; Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Sr. Cheong Chee Hong dan ketua-ketua jabatan.

Dalam pada itu, Kon Yeow juga meletakkan keyakinan tinggi terhadap Ahli-ahli Majlis lantikan penggal ini untuk terus komited dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan memenuhi standard kualiti serta piagam pelanggan ditetapkan.

"Ini sekali gus menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya yang harmoni, progresif dan seterusnya meningkatkan kualiti kehidupan seluruh penduduk di sini," ujarnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

# Pelari amatur layak ke kejohanan dunia

**GEORGE TOWN –** Pelari amatur, S. Christopher yang berjaya mewakili negara ke kejohanan *Athletics Road Running World Championship* di Latvia pada 1 Oktober lalu menerima tajaan daripada Penasihat Penang Forward Sports Club, Datuk Tom Khoo.

Christopher, 32, yang berjaya mencatatkan masa 1 jam 09 minit dalam acara *Half Marathon 21km* pada *Gold Coast Marathon,* 30 Jun lalu merupakan pelari amatur yang berkhidmat dengan pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Catatan masa yang berjaya dicatat telah melayakkan beliau menyertai kejohanan dunia tersebut dengan masa rujukan kelayakan adalah di bawah 1 jam 10 minit.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Christopher berdepan kesukaran termasuk dari aspek kewangan untuk mengambil bahagian dalam kejohanan dunia berkenaan kerana anak jati Pulau Pinang itu bukan pelari berdaftar dengan pasukan kebangsaan negara.

"Sebagai anak jati Pulau Pinang, kejayaan Christopher adalah wajar dibanggakan yang mana beliau hanya merupakan pelari amatur dan bukannya profesional yang berlatih sepenuh masa dalam pasukan kebangsaan.


S. Christopher.

"Dengan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk Tom Khoo yang telah bersetuju menaja dan membiayai segala perbelanjaan Christopher yang keseluruhan berjumlah RM10,000 meliputi tiket penerbangan, penginapan, kos pendaftaran, makan dan lain-lain berkaitan.

"Selamat maju jaya dan semoga Christopher dapat berentap dan pulang dengan kejayaan mengharumkan nama Pulau Pinang dan juga negara Malaysia di persada antarabangsa," katanya pada sidang media di sini 21 September lalu.

Turut hadir, Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen; Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Lau Keng Ee; Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua serta Pengerusi Penang Forward Sports Club, Lim Choo Hooi.

Sementara itu, Choo Hooi menyatakan bahawa kejayaan Christopher bukan sahaja membanggakan *Penang Forward Sports Club* tetapi juga kepada rakyat Pulau Pinang.

"Kami merupakan kelab pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tidak mempunyai sumber kewangan yang banyak tetapi kami memberi peluang sebagai satu platform kepada para atlet untuk mencapai impian mereka.

"Saya bersyukur kerana sentiasa menerima tajaan berterusan daripada Datuk Thom Khoo selain mendapat kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri yang telah memberikan semangat kepada semua atlet seperti Christopher.

"Justeru, kami berharap agar pihak kelab dapat bekerjasama rapat dengan pihak swasta dan Kerajaan Negeri untuk membantu atlet-atlet yang mempunyai potensi tetapi tidak mampu (dari segi kewangan)," ujarnya lanjut.

Dalam pada itu, Christopher merakamkan penghargaan kepada kelab yang diwakilinya, *Penang Forward Sports Club* atas sokongan dan bantuan yang diberikan sehingga membolehkan beliau mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut.

"Keadaan cuaca di Eropah yang sangat sejuk mungkin akan sedikit memberi kesan tetapi berdasarkan pengalaman semasa berada di *Gold Coast* (Australia), saya yakin mampu buat yang terbaik di sana nanti," katanya yang bertugas sebagai jurulatih kecergasan di TLDM.

*(Ikuti wawancara lanjut pada edisi akan datang).*

# Pelbagaikan lagi inisiatif baharu ke arah status negeri maju



RAKAMAN gambar Ahli-ahli Majlis MBSP dilantik bersama-sama Ketua Menteri dan barisan ADUN seusai majlis mengangkat sumpah penerimaan jawatan di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**SEBERANG JAYA -** Seramai 22 individu termasuk 12 muka baharu mengangkat sumpah penerimaan jawatan sebagai Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi tempoh 1 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2024.

Mereka mengangkat sumpah di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Datuk Bandar MBSP, Dato' Azhar Arshad; Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye dan mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP di sini pada 2 Oktober lalu.

Turut menyaksikan, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat; Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol dan Setiausaha Bandaraya, Badrul Amin Abdul Hamid.

Semasa berucap, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi berkata bahawa pentadbirannya berharap kesemua barisan Ahli Majlis MBSP bagi Sesi 2023/2024 dapat terus membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terbabit mewujudkan pelbagai lagi inisiatif baharu demi melonjak Pulau Pinang ke status negeri maju.

> **"Memandangkan visi ini masih mempunyai beberapa tahun (untuk dicapai) dan kita sekadar mencapai 47 peratus sahaja, maka dalam lima tahun akan datang kita dapat meneruskan perjuangan sehingga tercapai matlamat Visi Penang2030,"**
>
> **- Chow Kon Yeow**

"Selain daripada usaha mencapai visi dan misi MBSP iaitu menang pelbagai penganugerahan peringkat antarabangsa, mengawal kedudukan kewangan dan peruntukan serta membawa perkhidmatan kepada rakyat, saya berharap MBSP akan terus memberi sokongan kepada Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Visi Penang2030 yang dilancarkan pada tahun 2018.

"Memandangkan visi ini masih mempunyai beberapa tahun (untuk dicapai) dan kita sekadar mencapai 47 peratus sahaja, maka dalam lima tahun akan datang kita dapat meneruskan perjuangan sehingga tercapai matlamat Visi Penang2030," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Beliau menambah, dengan pengalaman Mooi Lye sebagai Ahli Majlis MBSP sejak tahun 2013 sebelum dilantik sebagai Exco, diharapkan dapat membantu PBT berkenaan mewujudkan pelbagai lagi inisiatif pintar.

Berucap sebelum itu, Mooi Lye yang juga ADUN Jawi berharap kesemua 22 Ahli Majlis MBSP yang baru dilantik supaya terus mengamalkan budaya integriti di samping meningkatkan mutu perkhidmatan mengikut ekspektasi pelanggan yang kian tinggi.

Sementara itu, Azhar pula dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Kon Yeow atas sokongan selama ini sehingga meletakkan MBSP pada kedudukan sekarang dengan pelbagai penerimaan anugerah baik peringkat antarabangsa mahupun kebangsaan termasuk dari Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) serta Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Zainuddin Mohamed, Derick Chong Wei Hoong, C. Linggeswaran, Victor Ng Wai Leong, V.A.S. Ponnudurai, Nurhidayah Che Rose, Muhammad Fadzli Roslan, K. Preedeb Kumar, Darwin Lim Chee Chien, Nur Aishah Zainol, Muhammad Fitri Termizi dan Benson Neoh Kak Wei merupakan 12 muka baharu yang dilantik sebagai Ahli Majlis MBSP sesi 2023/2024.

Bercakap dalam sidang media selepas itu, Kon Yeow menyatakan bahawa pentadbirannya berharap barisan Ahli Majlis MBSP yang dilantik turut mengambil bahagian bagi merealisasikan 50 janji yang ditawarkan dalam 'Manifesto Perpaduan' sempena Pilihan Raya Negeri Ke-15 (PRN15) pada pertengahan bulan Ogos lepas.



**AZRUL Mahathir Aziz ketika mengangkat sumpah terimaan jawatan sebagai Timbalan Speaker DUN di sini baru-baru ini.**

# Peranan Timbalan Speaker bakal digalas sebaiknya

**AHLI** Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, **AZRUL MAHATHIR AZIZ** telah dipilih sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 29 Jun lalu bagi menggantikan Dato' Dr. Amar Pritpal Abdullah.

Azrul Mahathir yang memenangi kerusi DUN Bayan Lepas selama dua penggal juga merupakan Naib Presiden III merangkap Pengarah Pilihan Raya Negeri bagi Parti Amanah Negara (Amanah) Pulau Pinang.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** berkesempatan menemu bual Azrul Mahathir untuk mengetahui visi dan misi beliau bagi tempoh lima tahun akan datang.

## Mandat baharu

Menurut Azrul Mahathir, jawatan yang telah dipertanggungjawabkan bakal dilaksanakan sebaiknya kerana ini merupakan kali pertama beliau memainkan peranan sebagai Timbalan Speaker DUN.

"Dengan mandat yang diwakilkan oleh rakyat untuk kepentingan mereka, saya berharap agar semua ADUN sentiasa memahami serta mematuhi peraturan mesyuarat dengan penuh berdisiplin dan berintegriti tanpa mengira fahaman politik.

"Dengan kepercayaan yang diberikan ini, saya akan berusaha untuk menjalankan tugas-tugas dan kewajipan sebagai Timbalan Speaker DUN dengan sempurna demi menegakkan perlembagaan negeri dan memastikan semua peraturan mesyuarat dipatuhi sebaiknya," katanya sewaktu ditemui dekat Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas pada 26 September lalu.

Tambah Azrul Mahathir, cabaran yang bakal dihadapi pada penggal baru ini adalah agak berlainan dari sebelumnya kerana beliau hanya memainkan peranan sebagai seorang wakil rakyat sahaja.

"Cabaran pada kali ini barangkali dari segi mengawal persidangan yang sedang berlangsung ekoran kehadiran barisan wakil rakyat baharu, diharapkan juga mereka berupaya menyesuaikan diri dengan cepat.

"Jika hanya menggunakan medium persidangan sebagai tempat bertelagah, ini bukan hanya merugikan rakyat malahan juga kepada sistem yang sedia ada, oleh itu guna waktu perbahasan sebaiknya dan jalankan tanggungjawab sebagai wakil kepada rakyat.

"Seperti sebelum ini, perjalanan persidangan juga berlangsung mengikut ketetapan yang sama baik dari segi soalan lisan, sesi perbahasan serta pembentangan usul.

"Dijangkakan bulan November ini DUN bakal berlangsung, jadi saya mengharapkan semua wakil rakyat komited memainkan peranan masing-masing dek setiap wakil rakyat merupakan simbolik wakil kepada rakyat untuk menyumbang sesuatu terhadap kawasan mereka," ujarnya sambil berharap semua pihak berupaya membantu Kerajaan Negeri menangani keperluan dan kehendak untuk mengukuhkan lagi Kerajaan Perpaduan ini.

## Peranan ADUN

Dalam pada itu, Azrul Mahathir turut menekankan bahawa tanggungjawabnya sebagai ADUN Bayan Lepas tetap digalas dengan sebaiknya dan bersungguh-sungguh.

"Walaupun telah dilantik sebagai Timbalan Speaker DUN, saya tetap fokus dengan kerja hakiki iaitu sebagai ADUN bagi kawasan Bayan Lepas.

"Saya amat sayangkan kawasan ini, dan syukur rakyat masih memberi ruang dan peluang untuk saya terus berkhidmat dan komited membantu.

"Pernah juga ada rasa mengalah, akan tetapi dengan dorongan iltizam yang kuat terhadap rakyat, saya sentiasa cuba sedaya upaya mencari saluran yang tepat demi menyelesaikan setiap permasalahan yang ada," ulasnya lagi.

Bagi Azrul Mahathir, cabaran dan halangan sudah tentu dihadapinya kerana tidak lengkap sesebuah tanggungjawab mulia tanpa sebarang rintangan.

"Jika ditanya soal kekangan, sudah tentu kedudukan kewangan menjadi antara salah satu faktor utama.

"Saya mengambil iktibar dari Pilihan Raya Negeri (PRN) baru-baru ini bahawa bukan semua benda boleh diselesaikan segera, banyak peringkat yang perlu dilalui.

"Justeru, semua harus menjalinkan hubungan kerjasama semaksimum mungkin dan fahami kehendak rakyat, bagi saya hal-hal kebajikan bagi KADUN Bayan Lepas telah dicakna, tanggungjawab saya sebagai orang Islam juga bukan sahaja sebagai wakil rakyat.

"Hasrat saya sebagai ADUN sudah tentu menginginkan pembangunan infrastruktur di sini termasuk kemudahan pasar awam, ruang niaga untuk peniaga kecil, klinik kesihatan dan juga Mesin Teler Automatik (ATM).

"Kawasan Barat Daya juga mahukan perhatian daripada Kerajaan Negeri dalam membangunkan kemudahan serta menjadikan kawasan ini sebagai sebuah lokasi agropelancongan," jelasnya lanjut.

## Harapan

Mengakhiri sesi wawancara, Azrul Mahathir turut memfokuskan perjalanan di DUN berupaya mencapai matlamat sebagai medium ADUN mewakili rakyat.

"Kerajaan Negeri berfungsi mengadakan persidangan dengan lancar serta menjadikan dewan persidangan sebagai medium untuk melontarkan permasalahan rakyat.

"Manakala peranan sebagai seorang ADUN juga jangan dipandang remeh dek perlu mengetahui fungsi sebenar ADUN itu sendiri.

"Dari segi pengasingan kuasa, salur dana dari (Kerajaan Negeri) setakat mana, salur dana dari (Pusat) pula bagaimana dan mengambil masa, oleh itu elakkan semasa bersidang semua benda permasalahan dituju terhadap Kerajaan Negeri sahaja.

"Diharapkan sidang DUN dapat berfungsi dengan baik dengan mengemukakan segala permasalahan dan menyumbang kemaslahatan terhadap rakyat.

"Walaupun setiap orang berbeza pandangan politik, diharapkan jalinan kerjasama yang utuh dapat mengatasi isu negeri selaras dengan gagasan Visi Penang2030," katanya menutup bicara.





Vlog Makan-makan Di Penang

Tema: Budaya Dirai Makanan Dikongsi

MENANG dengan 3 langkah mudah

1. Ambil video mengikut tema yang diberikan.
2. 'Like' dan 'follow' laman Facebook, TikTok dan Instagram rasmi Buletin Mutiara.
3. Setiap karya mestilah mempunyai tanda pagar #BuletinMutiara dan #LovePENANG.

Hadiah Utama

RM 1,000

Hadiah Sagu Hati

RM 100 x 2 pemenang

Terma & Syarat Peraduan:

1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.
2. Vlog (berdurasi sekurang-kurangnya 1 minit) mengikut tema yang diberikan.
3. Karya adalah asli tanpa menciplak mana-mana hasil kerja. Karya dihantar menjadi hak milik pihak penganjur.
4. Tarikh tutup penyertaan adalah 31 Disember 2023.
5. Penyertaan mestilah meletakkan tetapan di akaun media sosial sebagai 'public'.
6. Keputusan panel juri adalah muktamad.
7. Kos penghantaran untuk hadiah pemenang perlu ditanggung oleh pemenang.

# Musim 'siput lala' kembali



**RUPA bentuk siput lala atau juga dikenali sebagai 'siput retak seribu'.**

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SELEPAS** muncul kali terakhir pada tahun 2020, kini musim menangkap 'siput lala' atau juga dikenali sebagai 'siput retak seribu' dalam kalangan masyarakat di wilayah utara kembali lagi.

Biasanya, kehadiran siput lala merupakan musim yang amat ditunggu-tunggu dan sangat menggembirakan bagi penduduk Bukit Tambun terutamanya para nelayan kerana ketika ini mereka berpeluang menjana hasil dan menambah pendapatan masing-masing.

Namun begitu, menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, **GOH CHOON AIK**, kehadiran siput lala di perairan laut dalam negeri Pulau Pinang kali ini agak berkurangan berbanding musim-musim sebelumnya.

Susulan itu menurut beliau, Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang mengeluarkan 16 lesen tangkapan ikan sementara kepada nelayan terlibat dan daripada jumlah itu hanya enam lesen sahaja telah diberikan kepada nelayan tulen setakat ini.

"Ini kerana lokasi yang menjadi tempat pembiakan siput lala kali ini mempunyai dasar yang agak keras dan dalam menyebabkan bot-bot nelayan yang bersiaz kecil tidak dapat digunakan untuk menangkap (siput) lala.

"Tambahan pula, sekarang berlakunya pertembungan musim yang menyebabkan keadaan ombak agak kuat dan keadaan ini mengakibatkan bot-bot kecil sukar untuk sampai ke lokasi penangkapan (siput) lala.

"Sebab itulah hanya enam sahaja lesen tangkapan ikan sementara telah diserahkan kepada nelayan tulen di sekitar Bukit Tambun dan Pulau Aman yang mana mereka ini mempunyai bot bersaiz besar dan mampu menjalankan tangkapan lala di laut dalam.

"Lesen yang diberikan adalah sehingga 4 Oktober 2023 tetapi tempoh sah akan dilanjutkan sekiranya nelayan masih mengesan kehadiran lala di perairan negeri Pulau Pinang," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui di tempat pemprosesan siput lala dekat Simpang Ampat di sini 27 September lalu.



**GOH Choon Aik (berkemeja putih) meneliti siput lala yang siap diasingkan.**

Choon Aik menyatakan bahawa ketibaan musim siput lala amat dinanti-nantikan oleh penduduk Bukit Tambun kerana ia dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang mampu menghasilkan pendapatan yang agak lumayan.

"Kalau kita dapat lihat kebanyakan pekerja di sini adalah terdiri daripada golongan suri rumah, pelajar dan mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap.

"Daripada mereka tidak berbuat apa-apa di rumah.. mereka ambil peluang ini untuk bekerja dan menambah pendapatan.

*(Sambungan di muka 7).*

ECO HORIZON
CAMDON COLLECTION

EcoWorld mempersembahkan Koleksi Camdon di Eco Horizon - pembangunan seluas 45 ekar yang berpagar dan berkawal di bandar satelit Batu Kawan, Pulau Pinang.

Harga Minima : RM552,045.00
Harga Maksima : RM1,339,500.00
*(Harga selepas bumiputera diskaun)*

Unit Bumiputra kini dibuka untuk jualan dengan diskaun 5%.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 04 227 2255




Rumah Bandar | Nama Pembangunan: ECO HORIZON SDN. BHD. (Dahulunya dikenali sebagai Teraju Pasifik Sdn. Bhd.)(1082988-W) | Galeri Jualan: PT 21145, Mukim 13, Lebuh Bandar Cassia, 14110 Bandar Cassia, Pulau Pinang | No. Lesen Pemaju: 19152-6/01-2024/35 (L) | Tempoh Sah: 06/02/2021 – 05/02/2023| No. Permit Iklan dan Jualan: 19152-7/06-2025/0043(NS)-(S) | Tempoh Sah: 07/06/2022 – 06/06/2025 | Hak Milik Tanah: Pegangan Kekal | Bebanan Tanah: Public Investment Bank Berhad (20027-W) | Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) | No. Rujukan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-73/70 | Tarikh Dijangka Siap: Jun 2025| Jenis Pembangunan: Rumah Bandar, Jenis Type B , Type C dan Type E, Jumlah Unit: 235, Keluasan Binaan: Minimum: 904 kaki persegi, Maksimum: 1,313 kaki persegi. Harga Minimum: RM 581,100.00, Harga Maksimum: RM 1,084,200.00.Rumah Teres | Nama Pembangunan: ECO HORIZON SDN. BHD. (Dahulunya dikenali sebagai Teraju Pasifik Sdn. Bhd.)(1082988-W) | Galeri Jualan: PT 21145, Mukim 13, Lebuh Bandar Cassia, 14110 Bandar Cassia, Pulau Pinang | No. Lesen Pemaju: 19152/01-2024/35(A) | Tempoh Sah: 13/01/2022 – 12/01/2024 | No. Permit Iklan dan Jualan: 19152-8/11-2025/0287(N)-(S) | Tempoh Sah: 02/11/2022 – 01/11/2025 | Hak Milik Tanah: Pegangan Kekal | Bebanan Tanah: Public Investment Bank Berhad (20027-W) | Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) | No. Rujukan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-73/89 | Tarikh Dijangka Siap: November 2025 | Jenis Pembangunan: Rumah Teres, Jenis GHE dan GHF, Jumlah Unit: 114, Keluasan Binaan: Minimum: 1722 kaki persegi, Maksimum: 1,754 kaki persegi. Harga Minimum: RM 1,051,200, Harga Maksimum: RM 1,410,000.00. Sekatan-Sekatan Kepentingan: Tidak | Diskaun Bumiputera: 5%. | Kesemua ilustrasi adalah tanggapan artis sahaja. Pihak pemaju berhak mengubahsuai mana-mana bahagian bangunan, pembangunan dan/atau mana-mana unit sebelum siap seperti yang diperlukan oleh perunding pemaju dan/atau pihak berkuasa yang relevan. Sementara semua langkah yang wajar telah diambil dalam menyediakan informasi ini, pihak pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas apa-apa variasi atau ketidaktelitian.

A Joint Development By
ECOWORLD CREATING TOMORROW & BEYOND
KWSP EPF

(Sambungan dari muka 6).

# Kajian teliti keadaan air habitat marin

"Selain menghasilkan pendapatan kepada penduduk, pada musim ini juga penduduk di negeri ini dapat menikmati siput lala segar yang dibawa terus dari laut," katanya.

Walau bagaimanapun, Choon Aik menegaskan bahawa kehadiran siput lala yang semakin berkurangan di perairan negeri Pulau Pinang perlu diberi perhatian oleh pihak berwajib.

"Kehadiran (siput) lala adalah berkait rapat dengan kebersihan air dan tidak dinafikan bahawa perairan kita (Pulau Pinang) agak tercemar kesan daripada sisa kilang yang tidak terawat serta sisa kumbahan najis ternakan yang telah mempengaruhi pembiakan spesies berkaitan.

"Justeru, saya memohon kepada Jabatan Perikanan Malaysia dan Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang agar membuat kajian lebih menyeluruh mengenai habitat hidupan ini atau meneliti keadaan air yang bagaimana paling sesuai untuk pertumbuhan (siput) lala.

"Kehadiran (siput) lala memang secara semula jadi tetapi kita ada tanggungjawab untuk memelihara ekosistem atau habitat agar ia (siput lala) akan wujud mengikut musim.

"Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang juga mungkin boleh mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk digazetkan sebagai kawasan pemeliharan siput lala," tegasnya.

Sementara itu, salah seorang pengusaha siput lala, **LOW BAK SING**, 60, ketika ditemui mengakui bahawa kehadiran siput lala di perairan negeri Pulau Pinang pada musim ini agak berkurangan berbanding musim sebelumnya.

"Sekarang kami hanya mampu menangkap siput lala sekitar 100 hingga 400 kilogram (kg) sehari berbanding tahun 2020 lalu iaitu sekitar 400 hingga 800 kg sehari.



LOW Bak Sing.

"Ini menyebabkan saya tidak mampu memenuhi permintaan pelanggan yang semakin bertambah setiap hari.

"Oleh itu, buat masa ini saya hanya membekalkan siput lala yang dibawa nelayan kepada pelanggan setia sahaja dan saya elakkan untuk menerima pelanggan baru kerana takut tidak dapat memenuhi permintaan mereka," katanya yang mula menjual siput lala sejak 30 tahun lalu.



BOT nelayan membawa hasil masing-masing.

Mengulas lanjut, Bak Sing memberitahu bahawa berbanding siput lala yang diperoleh dari perairan Kedah dan Perlis, siput lala yang terhasil di perairan negeri Pulau Pinang mempunyai rasa yang lebih manis.

"Sebab itu permintaan siput lala dari perairan Pulau Pinang lebih tinggi kerana rasanya yang lebih sedap selain saiznya yang lebih besar," ulasnya sambil menambah bahawa hasil tangkapan siput lala turut dipasarkan kepada pelanggan setia dari Perak, Johor, Selangor dan lain-lain.



# Pusat Kegiatan Sukan tawar pengalaman

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**TERLETAK** agak jauh dari kesibukan kota, Pusat Kegiatan Sukan Air Tanjung Bungah menawarkan pengalaman yang menyeronokkan kepada para pengunjung.

Selain menjadi pusat latihan atlet khususnya bagi sukan perahu naga dan perahu layar, pusat tersebut juga menyediakan aktiviti sukan air lain termasuk bola tampar pantai, berkayak, memancing dan lain-lain.

Malah, Pusat Kegiatan Sukan Air Tanjung Bungah turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti hostel, tandas, gimnasium, kawasan barbeku serta sebuah padang yang sesuai untuk penganjuran pelbagi acara terutamanya aktiviti pembinaan pasukan.

Menurut Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua, pihaknya sedang berusaha untuk menggiatkan lagi aktiviti air di Pusat Kegiatan Sukan Air Tanjung Bungah.

"Setakat ini, pusat ini digunakan untuk melatih atlet dalam acara sukan air seperti perahu layar, kayak, perahu naga dan layar layang (*parasiling*).

"Namun begitu, dengan segala kemudahan yang ada di sini, kami juga membuka ruang kepada orang ramai untuk merasai dan menikmati keseronokan yang ada di sini.



BANGUNAN utama Pusat Kegiatan Sukan Air Tanjung Bungah.



HARRY Chai Heng Hua.



SALAH satu program pengukuhan pasukan yang dijalankan.



AKTIVITI kayak yang menjadi tumpuan utama kepada para pengunjung.



# Air Tanjung Bungah menyeronokkan



PEMANDANGAN laut yang tenang.





KEADAAN hostel yang bersih dan selesa.

"Kami juga sedang bekerjasama dengan syarikat pengendali perkhemahan untuk menganjurkan aktiviti 'glamping' kerana kami mempunyai padang yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui pada 14 September lalu.

Mengulas lanjut, Heng Hua menyatakan bahawa semua kemudahan yang bakal disediakan kelak adalah tidak terhad kepada organisasi tertentu sebaliknya turut akan dibuka kepada orang ramai.

"Apabila kami telah memuktamadkan dan melaksanakan rancangan ini kelak, ia tidak terhad kepada mana-mana organisasi tertentu sahaja tetapi akan dibuka kepada orang ramai juga," katanya.

Sebarang pertanyaan sila layari laman web *https://msnpp.penang.gov.my/index.php/ms/direktori-msnpp-2014/pusat-kegiatan-sukan-air*.



| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
